

Bukti Umno Johor BH - 7 AUG 1989 pulih: PM

GOPENG. **Ahad — Keme-**
nangan calon Barisan Nasional
(BN) dalam pilihanraya kecil
Tambatan semalam **membukti-**
kan Umno diterima oleh rakyat
Johor, kata **Perdana Menteri,**
Datuk Seri Dr Mahathir Moha-
mad.

Beliau berkata, kemenangan
itu juga menunjukkan **kekeco-**
han yang berlaku dalam Umno
Johor sebelum ini sudah **pulih.**

Bercakap kepada **pemberita**
selepas merasmikan **Persi-**
dangan Perwakilan Umno **Ba-**
hagian Gopeng di sini petang
ini, beliau berkata kejayaan ca-
lon BN juga adalah **hasil usaha**
bersungguh-sungguh jentera
pilihanraya Umno dan BN Johor
yang diketuai oleh Menteri **Be-**
sar Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Menurutnya, **kempen berte-**
rusan oleh **Timbalan Perdana**
Menteri, Encik Ghafar Baba,
dan sokongan **parti-parti kom-**
ponen BN juga membantu me-
mastikan kemenangan calon
BN.

Calon BN, Haji Abdul Kadir
Annuar menewaskan tiga calon
lain untuk **memenangi pilihan-**
raya kecil Dewan Undangan
Negeri Tambatan dengan ke-
lebihan 1,075 undi.

Pilihanraya kecil itu diadakan
berikutan kematian wakil rak-
yat, Encik Mahmood Daud pada
12 Jun lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir juga
berkata, **kerajaan** sedang
mengkaji kemungkinan memin-
da undang-undang pilihanraya
untuk mengelakkan seseorang
wakil **rakyat** yang sengaja me-
letak jawatan, bertanding se-
mula di kawasan **sama** hanya
untuk menuniukkan pengaruh-
nya di situ.

Menurutnya, langkah itu
juga bertujuan mengelakkan
pembaziran untuk **mengada-**
kan pilihanraya kecil kerana ia
membabitkan perbelanjaan
yang besar.

"Pilihanraya kecil diadakan
jika seseorang wakil rakyat itu
meninggal dunia, tetapi kera-
jaan tidak bersetuju sekiranya
dia sengaja meletak jawatan

dan kemudian bertanding se-
mula di kawasan **sama," ka-**
tanya.

Sebelum itu, dalam ucapan
perasmiannya, Datuk Seri Dr
Mahathir menyeru rakyat, **khu-**
susnya orang **Melayu** supaya
sentiasa bersatu padu dan
mengelakkan perpecahan **sesa-**
ma sendiri.

Beliau berkata, **tanpa kea-**
manan dan perpaduan kaum,
kerajaan sudah tentu sukar me-
laksanakan **tugas dan**
tanggungjawab untuk mem-
bangunkan negara.

Menurutnya, orang Melayu,
khususnya ahli Umno, perlu
mengelakkan **pertelingkahan**
sesama sendiri kerana ia akan
hanya membawa kepada **per-**
pecahan parti dan bangsa.

Beliau juga mahukan Umno
mengutamakan perpaduan
dan mengelakkan sebarang
pertandingan yang boleh me-
wujudkan **rasa** tidak puas hati
pihak tertentu dan seterusnya
membawa kepada perpecahan
sesama sendiri.

"Pengharaman Umno pada
1987 adalah disebabkan sege-
lintir ahli tidak berpuas hati se-
telah kalah dalam **pertan-**
dingan dan seterusnya
menimbulkan pelbagai masa-
lah.

"Sepatutnya mereka tidak
perlu berebut untuk mendapat-
kan sesuatu jawatan itu kerana
satu masa nanti peluang mere-
ka akan tiba. Oleh itu, mereka
tidak **perlu gopoh** untuk **meme-**
gang jawatan," katanya.

Sementara itu bekas Setia-
usaha Agung Umno, Datuk Seri
Sanusi Junid, berkata **keme-**
nangan di Tambatan menun-
jukkan rakyat sudah **meletak-**
kan "noktah" kepada
perjuangan Parti Semangat 46.

"Ini adalah kali pertama **parti**
pembangkang yang baru ditu-
buhkan itu bertanding dan ka-
lah. Ini menuniukkan **parti se-**
perti itu tidak akan diterima
oleh rakyat walaupun **ka be-**
berapa pilihanraya **kecil** diada-
kan lagi," katanya.